

**SULIT**

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
NEGERI PERLIS**

**ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

**GEMPUR KECEMERLANGAN 2022**

**1103/1**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**November**

**2 jam**

**Dua jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

**Bahagian A**

[30 markah]

*Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan masalah yang dihadapi oleh orang ramai apabila mengunjungi pasar awam di tempat tinggal anda.*

*Sebagai seorang penduduk yang prihatin, tulis sepucuk surat kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengadukan masalah yang dihadapi oleh orang ramai ketika mengunjungi pasar awam tersebut dan cadangkan tindakan yang perlu diambil.*

*Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**MASALAH DI PASAR AWAM**

**Masalah parkir belum selesai**

**Bahagian B**

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

**1**

Pembukaan pintu sempadan negara kepada pelancong asing menjadi titik tolak kepada kejayaan sektor pelancongan antarabangsa pascapandemik COVID-19. Seluruh penggiat industri pelancongan dan kebudayaan perlu bersedia untuk menerima semula kemasukan pelancong dalam jumlah yang tinggi. Mutu produk pelancongan serta kualiti perkhidmatan yang baik hendaklah diberikan bagi memastikan pelancong berpuas hati dengan pakej ditawarkan. Kerjasama daripada kementerian, pemain industri dan rakyat amat penting bagi memastikan pembukaan semula sempadan negara bagi memacu sektor pelancongan mencapai objektifnya.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
*bhrencana@bh.com.my*, 2 April 2022

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai usaha untuk menarik minat pelancong antarabangsa ke negara kita.

Beri komen anda.

**2**

KUALA LUMPUR: Sebanyak 12,000 peluang pekerjaan membabitkan 50 majikan akan ditawarkan pada majlis pelancaran Karnival Kerjaya Jamin Kerja 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Karnival tersebut dianjurkan secara kerjasama antara Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
*www.bharian.com.my*, 18 Februari 2022

Pada pendapat anda, selain kebaikan yang dinyatakan dalam petikan akhbar di atas, apakah kebaikan-kebaikan mengunjungi karnival kerjaya kepada golongan belia?

3

Teknologi moden perlu diaplikasikan dalam memastikan sektor pertanian negara terus maju dan mampu bersaing dengan negara lain. Penggunaan teknologi yang serba moden dan terancang mampu meningkatkan hasil tanaman. Hal ini juga mengurangkan penggantungan kepada tenaga pekerja asing sekali gus kos sesebuah perusahaan pertanian itu dapat diminimumkan.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
*www.astroawani.com*, 29 Mei 2019

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai kebaikan penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian.

Beri komen anda.

4

Garis Panduan ke Arah Pembentukan Sekolah Lestari telah dihasilkan untuk membantu sekolah memperkukuh proses pelaksanaan pendidikan alam sekitar yang sedia ada. Melalui program ini, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dapat memberi nilai tambah kepada sekolah.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
*ras.doe.gov.my/v2/pendidikan-kesedaran-alam-sekitar/  
sekolah-lestari-anugerah-alam-sekitar/*

Sebagai respons terhadap petikan di atas, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk memberikan kesedaran kepada pelajar agar memelihara dan memulihara alam sekitar.

Jelaskan usaha-usaha tersebut.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**